

31 MAR 2001

Mahathir-BN

BN BERI LEBIH TUMPUAN KEPADA GOLONGAN MISKIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) akan menumpukan lebih perhatian kepada golongan miskin di bandar dan luar bandar termasuk melalui hubungan lebih erat antara wakil-wakil rakyat BN dan masyarakat.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata wakil rakyat perlu lebih kerap turun ke padang bagi melihat dengan mata mereka sendiri masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat terbabit termasuk golongan setinggan, dalam usaha untuk menyelesaikannya.

"Langkah mendampingi rakyat ini perlu ditingkatkan kerana kadang-kadang kita tumpu kepada kawasan kita sahaja sementara ada pihak-pihak yang tidak mendapat perhatian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama lebih dua jam di sini, hari ini.

Negara baru-baru ini dikejutkan dengan isu pergaduhan penduduk di sekitar Jalan Klang Lama yang mengakibatkan enam orang terbunuh. Ada pihak yang mengaitkannya dengan masalah kehidupan yang dihadapi oleh penduduk kawasan itu yang kebanyakannya terdiri daripada golongan setinggan.

Dr Mahathir berkata: "Kita perlu turun ke padanglah iaitu kita perlu tengok sendiri. Walaupun kita dengar berkenaan setinggan, kita tahu masalah setinggan, tapi kadang-kadang kita tak turun pergi tengok. Bila kita turun pergi tengok baru kita tahu (keadaan sebenar)."

Katanya, mesyuarat hari ini juga mahu BN bertindak lebih sebagai sebuah "parti" dengan anggota komponennya menangani masalah dan cabaran secara bersama tanpa mengutamakan parti masing-masing sahaja.

Dr Mahathir berkata: "Setakat ini, BN nampaknya bertindak melalui komponen-komponen parti, bertindak sendiri-kecuali semasa pilihan raya apabila kita tentukan siapa yang akan bertanding dan kita sokong calon itu.

"Tetapi sekarang, apa yang kita mahu lakukan ialah, jika ada sebarang masalah, kita akan lihat dari sudut BN, yang bermakna kita perlu mempunyai pendirian bersama dalam kebanyakan isu... oleh itu kita boleh hadapai dan selesaikan isu tersebut sebagai masalah BN, tidak sebagai masalah satu-satu parti."

Dr Mahathir berkata lebih banyak mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan diadakan.

Menjawab soalan, beliau berkata biasanya akan sentiasa ada beberapa anggota yang tidak bersetuju dengan keputusan BN.

Beliau memberi contoh dalam Umno, yang mana beberapa anggota mungkin tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh kepimpinan parti.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata adalah tanggungjawab pemimpin BN terbabit untuk menyakinkan anggota parti untuk menerima keputusan yang dicapai oleh kepimpinan BN.

Sementara itu, beliau berkata BN merancang untuk mengadakan ibu pejabat sendiri di Kuala Lumpur bagi membolehkan ia berfungsi dengan lebih efisien.

Ia sekarang mempunyai pejabat di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir BN akan mengadakan konvensyen yang bertemakan BN Tonggak Keutuhan Negara di PWTC pada 7 Julai ini.

Kira-kira 3,000 anggota parti dijangka akan menghadiri konvensyen itu.

-- BERNAMA

MAM AKT ZS RI